

Jenis Akhbar : Sinar Harian

Tarikh : 30/08/2024

Edisi / Muka Surat : <https://www.sinarharian.com.my>

Tajuk : **Angkasa Ketua Delegasi Malaysia Ke Mesyuarat Jawatankuasa Perdagangan Di China**

## Angkasa ketua delegasi Malaysia ke mesyuarat Jawatankuasa Perdagangan di China



**SIARAN MEDIA**

**PRESIDEN ANGKASA KETUA DELEGASI MALAYSIA KE MESYUARAT JAWATANKUASA PERDAGANGAN DAN PERNIAGAAN IKATAN KOPERASI ANTARABANGSA ASIA DAN PASIFIK (ICA-AP)**

**KELANA JAYA, 30 OGOS 2024** – Presiden ANGKASA, Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah selaku Naib Presiden, Ikatan Koperasi Antarabangsa Asia dan Pasifik (ICA-AP) merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan dan Perniagaan ICA-AP mengetuai delegasi koperasi Malaysia bagi memulakan lawatan kerja rasmi untuk menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Perdagangan dan Perniagaan ICA-AP pada 1 hingga 4 September 2024 di Kunming, Wilayah Yunnan, China.

Bertemakan “Memperkasakan Koperasi Melalui Transformasi Digital: e-Dagang dan Big Data,” yang dihoskan oleh All-China Federation of Supply and Marketing Cooperatives (ACFSMC), Jawatankuasa ini turut menganjurkan program Dialog Perdagangan yang akan disertai 20 buah koperasi dari 14 negara iaitu China, Filipina, India, Iran, Jepun, Kemboja, Korea, Malaysia, Nepal, Palestin, Singapura, Sri Lanka, Thailand dan Vietnam.

Delegasi Malaysia turut disertai oleh Anggota Lembaga ANGKASA merangkap Ahli Lembaga Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA), Dato’ Haji Kamarudin Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan ANGKASA, Dato’ Haji Abdullah Haji Jusoh, dan Pengarah Eksekutif MyAngkasa Digital Services Sdn. Bhd. (MDS), Encik Muhammad Hudhaifa Ahmad.

Datuk Seri Dr. Abdul Fattah akan menyampaikan ucapan pembukaan pada sesi Dialog Perdagangan yang menghimpunkan pemimpin koperasi pakar teknologi digital, dan perwakilan dari seluruh rantau Asia dan Pasifik. Sesi dialog ini bertujuan untuk meneroka potensi e-Dagang, Digitalisasi, dan Kecerdasan Buatan (AI) dalam usaha memacu kemajuan koperasi.

Beliau dalam kenyataannya berkata, antara objektif Dialog Perdagangan ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan keupayaan e-Dagang dalam kalangan pengurusan koperasi serta menambah baik perkhidmatan perdagangan melalui penggunaan digital dan teknologi e-Dagang, ia juga termasuklah menggalakkan perdagangan antara koperasi dengan koperasi (C-2-C), mengukuhkan rangkaian perdagangan serantau dan integrasi ekonomi.

Antara fokus utama dalam Dialog Perdagangan berkenaan adalah memanfaatkan E-dagang untuk pertumbuhan koperasi; big data dalam perdagangan dan perniagaan koperasi serta mengintegrasikan AI untuk tatalaksana dan operasi koperasi yang baik. Pada masa sama, wakil delegasi Malaysia, Pengarah Eksekutif MyAngkasa Digital Services Sdn. Bhd. (MDS), Encik Muhammad Hudhaifa Ahmad turut dijemput sebagai panelis bagi sesi dialog Big Data dalam Perdagangan dan Perniagaan Koperasi.



Abdul Fattah bakal menyampaikan ucapan pembukaan pada sesi dialog perdagangan yang disertai 20 koperasi dari 14 negara. Gambar kanan: Abdul Fattah

SHAH ALAM - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) mengetuai delegasi bagi lawatan kerja rasmi dalam menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Perdagangan dan Perniagaan Ikatan Koperasi Antarabangsa Asia dan Pasifik (ICA-AP) pada 1 hingga 4 September 2024 di Wilayah Yunnan, China.

Angkasa dalam satu kenyataan berkata, lawatan berkenaan bakal diketuai oleh Presidennya merangkap Naib Presiden ICA-AP, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah akan menyampaikan ucapan pembukaan pada sesi dialog perdagangan yang disertai 20 buah koperasi dari 14 negara.

“Sesi tersebut menghimpunkan pemimpin koperasi, pakar teknologi digital dan perwakilan dari seluruh rantau Asia dan Pasifik.

“Ia bertujuan untuk meneroka potensi e-dagang, digitalisasi dan kecerdasan buatan (AI) dalam usaha memacu kemajuan koperasi,” kata kenyataan itu pada Jumaat.

Menurut Abdul Fattah, antara objektif dialog perdagangan itu adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan keupayaan e-dagang dalam kalangan pengurusan koperasi serta menambah baik perkhidmatan perdagangan melalui penggunaan digital dan teknologi tersebut.

Jelas beliau, ia termasuk menggalakkan perdagangan antara koperasi dengan koperasi bagi mengukuhkan rangkaian perdagangan serantau dan integrasi ekonomi.

Lawatan berkenaan turut disertai oleh Anggota Lembaga Angkasa, Datuk Kamarudin Ismail; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Angkasa, Datuk Abdullah Jusoh dan Pengarah Eksekutif MyAngkasa Digital Services Sdn Bhd (MDS), Muhammad Hudhaifa Ahmad.

Angkasa memaklumkan, delegasi Malaysia turut dijadual menghadiri lawatan koperasi dan perbincangan dengan Yunnan Supply and Marketing Electronic Commerce Co Ltd, Koperasi Bunga Daerah Songmin, Yunnan Mushroom Biotechnology Co Ltd serta pertemuan rakan sejawatan dan pemimpin koperasi.

“Pertemuan itu adalah untuk membincangkan isu-isu berkepentingan bersama termasuk potensi mengembangkan perniagaan dan perdagangan antara koperasi di Malaysia dan China,” kata kenyataan itu.

Jawatankuasa Perdagangan dan Perniagaan ICA-AP diwujudkan untuk memperkukuhkan amalan perdagangan dan perniagaan koperasi di seluruh rantau Asia dan Pasifik.

Sehingga kini, seramai 33 ahli daripada 19 organisasi di 13 negara menganggotai Jawatankuasa Perdagangan dan Perniagaan ICA-AP.